



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

### PEMBAHARUAN LESEN KENDERAAN MOTOR (CUKAI JALAN / ROAD-TAX) BOLEH DIBUAT DI PUSPAKOM SABAH & SARAWAK MULAI 1 NOVEMBER 2021

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan memperluaskan lagi inisiatif urusan pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) di semua 14 pusat pemeriksaan PUSPAKOM seluruh Sabah & Sarawak mulai 1 November 2021. Urusniaga pembaharuan LKM ini melibatkan kenderaan motokar & motosikal persendirian (kecuali kenderaan e-hailing) dan kenderaan decontrolled (kenderaan barang dengan berat 7,500 kg ke bawah).

Pada amnya, inisiatif pembaharuan LKM (Road-tax) ini telah mula dilaksanakan di Semenanjung Malaysia semenjak tahun 2020 lalu yang melibatkan kenderaan decontrolled. Manakala, pada bulan September dan Oktober 2021 lalu, inisiatif pembaharuan LKM ini telah diperluaskan pula kepada kenderaan motokar dan motosikal persendirian.

Untuk maklumat lanjut berhubung perkhidmatan ini, orang ramai bolehlah menghubungi talian khidmat pelanggan **PUSPAKOM 03-5101 7000**, e-mel **customerservice@puspakom.com.my**, mesej peribadi di **Facebook rasmi PUSPAKOM Sdn Bhd** atau **Live Chat** melalui laman sesawang PUSPAKOM **www.puspakom.com.my**.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

Inisiatif ini diharap akan dapat meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan Kerajaan dan memudahkan rakyat mendapat akses perkhidmatan yang lebih meluas, bersifat mesra pelanggan dan mampu menjimatkan kos, masa dan tenaga. Pihak JPJ dan pihak PUSPAKOM akan sentiasa komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh rakyat di negara ini.

Sekian dimaklumkan dan terima kasih.

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**30 OKTOBER 2021**

-TAMAT-

---

**Tentang MOT:**

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

**Pertanyaan Media**

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**  
**Unit Komunikasi Korporat**

Tel        1800-88-7723  
Fax      +603 8892 0208  
E-mail    [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)

